

## KENYATAAN MEDIA

### PETALING JAYA BANDAR SELAMAT

Sebagai salah sebuah Bandaraya Peneraju, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sekali lagi memaparkan satu inisiatif yang inovatif selepas skim rebat kepada pemilik rumah mesra alam diperkenalkan pada tahun lepas, dengan melaksanakan satu program yang memberikan impak positif ke atas Program Bandar Selamat dan Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah.

Pelaksanaan pelan tindakan strategik serta Program Bandaraya Hijau Berkarbon Rendah ini adalah merupakan hasil kerjasama semua ahli pasukan petugas Green City of Petaling Jaya yang dipengerusikan oleh Encik Khairul Anuar bin Zainudin Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan urusetia One Stop Center (OSC) MBPJ.

Hari ini akan memperlihatkan satu lagi inisiatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya iaitu Pelancaran Program Pemasangan Lampu LED di lorong belakang rumah. Sebagai makluman, program ini bertujuan untuk membantu mempergiatkan lagi perlaksanaan langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah Program Bandar Selamat.

Langkah ke 21 daripada keseluruhan 23 langkah pencegahan jenayah Program Bandar Selamat menyeru supaya Majlis menggalakkan penghuni-penghuni rumah di kawasan-kawasan kerap berlakunya jenayah pecah rumah dengan memasang lampu di depan, tepi dan belakang rumah bagi memudahkan pengawasan untuk menghindari berlakunya kegiatan pecah rumah.

Walaupun perbahasan ke atas keberkesanan pencahayaan lampu bagi menangani jenayah masih belum dirumuskan, namun menurut carian dalam laman web google ke atas terminologi "**lighting and crime**" mendapati sebanyak 120,000 laman web atau artikel yang membincangkan tentang perkara ini. Perkara ini menunjukkan bahawa sememangnya pencahayaan lampu dan jenayah mempunyai kaitan yang rapat.

Menurut semakan ke atas artikel yang dipaparkan, pencahayaan lampu bukan saja akan meningkatkan tahap persepsi selamat malah dapat memupuk semangat kebanggaan dan kekitaan ke atas kawasan kejiranan, iaitu satu ciri paling kritikal untuk memastikan kejayaan program bandar selamat.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga telah memperuntukkan sebanyak RM 100,000 untuk program ini yang dijangka dapat memberi manfaat kepada 400 buah rumah. Jumlah wang ini merupakan tambahan kepada RM2 juta yang telah diperuntukkan bagi Program Bandar Selamat di bawah belanjawan tahun 2012.

Sejak Program Bandar Selamat dilaksanakan pada tahun 2006, sebanyak 46 buah cctv dan 245 batang lampu telah dipasang di seluruh kawasan Petaling Jaya. bagi tahun 2012, dijangkakan penambahan sebanyak 60 buah cctv lagi akan dipasangkan.

Untuk makluman semua, indeks jenayah keseluruhan di kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi bulan November 2011 telah menurun sebanyak 8.2% berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2010 di mana indeks jenayah kekerasan dan indeks jenayah harta benda masing-masing telah jatuh 20.3% dan 3.9%.

MBPJ sangat yakin bahawa langkah pencahayaan dan pengawasan cctv ini selain daripada penyediaan laluan pejalan kaki berasingan, cermin keselamatan dan pengawasan rondaan sekuriti di kawasan perumahan telah menyumbang ke atas penurunan indeks jenayah tersebut.

Pencegahan jenayah merupakan satu tanggungjawab bersama dimana penyertaan semua pihak berkepentingan selain daripada pihak polis dan pihak berkuasa tempatan adalah penting demi mewujudkan bandaraya yang selamat.

Seiring itu, program ini yang bercirikan rakan perkongsian antara Majlis dengan pemilik rumah diperkenalkan, iaitu tanggungan kos pemasangan lampu LED oleh Majlis dan pembayaran bil elektrik oleh pemilik rumah.

Penggunaan lampu LED yang jimat tenaga, keberkesanan dari segi kos serta penjanaan karbon dioksida yang lebih rendah menunjukkan bahawa dalam masa kita menangani jenayah, kebertanggungjawaban sosial kita semua ke atas pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan mampan turut dapat dilakukan.

Prinsip usahasama dan pembangunan mampan ini adalah selaras dengan semangat Local Agenda 21 Petaling Jaya. Ini adalah merupakan satu titik permulaan bagi semua program Majlis samada sosial kemasyarakatan ataupun pembangunan infrastruktur yang mengambil kira komponen utama pembangunan mampan.

Di harapkan program ini dapat dihebahkan dengan lebih meluas kepada semua pemilik rumah yang berminat untuk mengambil bahagian.

Di sediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,

twitter : pjcitycouncil, emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my)

Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)

Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-

6946884, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)